

Skema Pemarkahan Percubaan SPM Kertas 3 Sejarah 2017

Soalan	Butiran	Markah
1	Menunjukkan pengetahuan dan pemahaman yang sangat jelas, tepat dan mendalam. Fakta sangat tepat. Sangat sesuai dan menggambarkan keseluruhan isi. Pengolahan/komunikasi yang sangat menarik	Aras 3 4-5
	Menunjukkan pengetahuan dan pemahaman yang jelas dan mendalam. Fakta tepat. Sesuai dan menggambarkan keseluruhan isi. Pengolahan/komunikasi yang menarik.	Aras 2 2-3
	Contoh Jawapan: Membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum Menambahkan pendapatan rakyat Menyediakan peluang pekerjaan bagi merapatkan jurang ekonomi Menghapuskan identiti kaum mengikut fungsi ekonomi Mencapai perpaduan kaum Membawa kesejahteraan rakyat Menyusun semula masyarakat Merapatkan jurang sosial antara kaum/ kawasan/ wilayah	
	<i>Jumlah</i>	[5 markah]
2	Huraikan Rancangan Pembangunan Lima Tahun yang terdapat dalam Dasar Ekonomi Baru.	

F1 -	Rancangan Malaysia kedua	1
H1a -	Rancangan pembangunan lima tahun pertama di bawah DEB	1
H1b -	Matlamatnya adalah untuk menyelesaikan masalah ekonomi dan sosial antara kaum, kawasan dan wilayah	1
H1c -	Tumpuan terhadap usaha membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dengan menambahkan pendapatan	1
H1d -	Menyediakan peluang pekerjaan bagi merapatkan jurang ekonomi	1
H1e -	Serta menghapuskan identiti kaum mengikut fungsi ekonomi	1
H1f -	Program pembangunan luar bandar diteruskan	1
H1g -	Beberapa agensi di bawah Kementerian Tanah dan Kemajuan Wilayah ditubuhkan untuk melaksanakan program pembangunan wilayah	1
H1h -	Lembaga Padi Negara untuk menstabilkan harga padi	1
H1i -	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia membangunkan dan memodenkan industri perikanan serta meningkatkan taraf hidup nelayan	1
H1j -	UDA membangunkan bandar	1
H1k -	RISDA membantu pekebun kecil getah dari segi penyelidikan dan penanaman semula getah	1
H1l -	LPP membantu golongan petani melibatkan diri dalam kegiatan koperasi	1
H1m -	PETRONAS memajukan sektor perindustrian dan perniagaan yang berkaitan dengan petroleum	1
H1n -	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri menggalakkan perindustrian dan perdagangan dengan menyediakan tapak perindustrian, perumahan, ruang pejabat dan kedai	1

F2 - Rancangan Malaysia Ketiga	1
H2a - Mendokong aspirasi DEB	1
H2b - Matlamat untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat	1
H2c - Program pembangunan pertanian dan perindustrian diteruskan	1
H2d - Pembukaan tanah secara besar-besaran dilaksanakan di bawah program pembangunan wilayah	1
H2e - Agensi yang terlibat ialah KEJORA, KETENGAH, DARA, dan KESEDAR	1
H2f - Tumpuan diberikan terhadap penanaman getah dan kelapa sawit	1
H2g - Agensi pembangunan wilayah diluaskan peranannya dalam sektor pembangunan industri dan pembangunan bandar baru	1

F3 - Rancangan Malaysia Keempat	1
H3a - Dilancarkan ketika dunia mengalami kelembapan ekonomi	1
H3b - Memberikan tumpuan kepada perkembangan perusahaan berat	1
H3c - Yang berasaskan pelaburan modal dan penggunaan teknologi tinggi serta tenaga pekerja mahir	1
H3d - Kerajaan menubuhkan HICOM pada 1980	1
H3e - Penubuhan HICOM adalah untuk mengenal pasti, memulakan dan menguruskan projek industri berat dengan cekap	1
H3f - Bagi menggiatkan perindustrian dan menggalakkan pelaburan modal asing,	1
H3g - perusahaan baru dibuka di Skudai, Senawang, Bintulu, Menggatal dan Likas	1
H3h - Zon perdagangan bebas diperkenalkan	1
H3i - di Bayan Lepas dan Sungei Way	1
H3j - Dua program dilancarkan pada tahun 1983 iaitu Kajian Dasar Perindustrian Malaysia dan Pelan Induk Perindustrian	1
H3k - Memperkenalkan Dasar Penswastaaan dan Dasar Pensyarikatan Malaysia	1
H3l - Bagi mengimbangi pemilikan harta dan saham perindustrian antara bumiputera dengan bukan bumiputera, PNB dan ASN telah dilancarkan pada tahun 1981	1
H3m - Sektor pertanian turut diberi perhatian menerusi Dasar Pertanian Negara	1
H3n - Bermatlamat untuk memodenkan dan mengiatkan semula sektor pertanian secara bersepadu	1
H3o - RMK 4 mencatat perkembangan KDNK pada kadar 5.8 peratus setahun	1
H3p - Pendapatan perkapita meningkat pada kadar 4.4 peratus	1

F4 - Rancangan Malaysia Kelima	1
H4a - Penekanan untuk meningkatkan sektor perindustrian dengan melonggarkan peraturan mengawal hak milik syarikat dan pelesenan dalam sektor swasta	1
H4b - Syarat pelaburan modal asing dilonggarkan untuk meningkatkan pelaburan sektor perindustrian berorientasikan eksport	1
H4c - Kerajaan meningkatkan kecekapan pengurusan agensinya agar dapat bekerjasama dengan sektor swasta	1
H4d - Pembangunan luar bandar terus diberi perhatian	1
H4e - Penggunaan tanah dengan lebih cekap dititik beratkan supaya dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara	1
H4f - Industri desa yang berpotensi seperti kraf tangan digalakkan	1
H4g - Kredit dan insentif telah diperluas,	1
C4g - misalnya melalui Bank Pertanian Malaysia, Skim Pinjaman Khas Pertanian dan Amanah Ikhtiar Malaysia	1
H4h - Sektor pelancongan menjadi perusahaan penting dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima	1
H4i - Penubuhan Perbadanan Pelancongan Malaysia merencanakan lagi industri pelancongan	1
H4j - Pelancaran Tahun Melawat Malaysia pada tahun 1990	1
H4k - Penekanan turut diberikan kepada bidang penyelidikan dan pembangunan	1
H4l - Untuk meningkatkan keupayaan dan kecekapan guna tenaga tempatan untuk meningkatkan produktiviti negara	
<i>Jumlah</i>	[25 markah]

3	<p>Jelaskan dasar pembangunan ekonomi berikut yang diperkenalkan dalam tempoh pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru:</p> <p>a) Dasar Pertanian Negara (DPN)</p> <p>F1 - Dilancarkan pada 12 Januari 1984 1</p> <p>H1a - bermatlamat untuk meningkatkan pendapatan sektor pertanian negara ke tahap maksimum 1</p> <p>H1b - menerusi pengurusan sumber ekonomi negara yang cekap dan berkesan 1</p> <p>F2 - Memaksimumkan pendapatan pekebun kecil 1</p> <p>F3 - memajukan komoditi utama yang berpotensi untuk dieksport 1</p> <p>F4 - Beberapa strategi untuk mencapai matlamat DPN telah dilaksanakan 1</p> <p>H4a - antaranya dengan menggalakkan pembukaan tanah-tanah baru di bawah rancangan FELDA, agensi pembangunan wilayah dan kerajaan negeri 1</p> <p>H4b - memperkenalkan program pembangunan in-situ untuk memulihkan kawasan yang berproduktiviti rendah 1</p> <p>H4c - dengan menyediakan perkhidmatan sokongan pertanian. 1</p> <p>Cih - seperti pemasaran, kredit, subsidi dan penyelidikan 1</p> <p>F5 - Melibatkan sektor swasta dalam projek penswastaan pertanian di bawah Kementerian Pertanian 1</p> <p>b) Dasar Pensyarikatan Malaysia</p> <p>F1 - Diperkenalkan pada 25 Februari 1983</p> <p>F2 - Bermatlamat untuk meransang penglibatan penglibatan sektor swasta secara aktif dan berkesan dalam pembangunan negara. 1</p> <p>F3 - Malaysia dianggap sebagai sebuah syarikat yang dimiliki secara bersama oleh kerajaan dan sektor swasta 1</p> <p>F4 - Semua kakitangan kerajaan dan swasta merupakan pemilik saham dan pekerja yang bertanggungjawab untuk memajukan Malaysia. 1</p> <p>F5 - Sebuah panel perunding antara pihak kerajaan dengan sektor swasta ditubuhkan untuk melaksanakannya 1</p> <p>F6 - Pegawai kerajaan ditempatkan di syarikat swasta untuk menjalin hubungan dan berkongsi kepakaran 1</p> <p>F7 - Sektor swasta perlu memahami dasar kerajaan 1</p> <p>F8 - dan mengutamakan kepentingan nasional dalam aktiviti</p>	
---	--	--

	<i>Jumlah</i>	[15 markah]
4	<p>DEB yang berlangsung dari 1970 hingga 1990 terbukti mencapai kejayaan dalam mencorakkan Malaysia dengan objektif membasmi kemiskinan tegar dalam kalangan rakyat iaitu daripada kadar 50 peratus pada awal 70-an kepada kurang satu peratus ketika ini.”</p> <p><i>Prof. Datuk Dr. Noor Azlan Ghazali, Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)</i></p> <p>Sumber: http://www.utusan.com.my/berita/nasional/roh-</p> <p>Ulaskan pernyataan tersebut</p>	

Cadangan jawapan:	1
F1 - Rancangan Malaysia Keempat mencatatkan KDNK pada kadar 5.8 % setahun.	1
F2 - Perkapita meningkat pada kadar 4.4 % setahun	1
C2 - menjadi RM 4000 juta pada tahun 1985.	1
F3 - Pada tahap kedua, DEB Berjaya merapatkan jurang antara kaum serta wilayah	1
F4 - Kadar kemiskinan menurun	1
C4 - daripada 49.3% pada tahun 1970 kepada 17.1% pada tahun 1990.	1
F5 - KDNK juga berjaya ditingkatkan	1
C5 - daripada RM 21 548 pada tahun 1970 meningkat kepada RM 59 155 pada tahun 1990.	1
F6 - Pendapatan per kapita juga telah meningkat	1
C6 - daripada RM 1109 pada tahun 1970 kepada RM 6180 pada tahun 1990.	1
F7 - Pemilikan saham bumiputera meningkat	1
C 7 - daripada 2.4 % pada tahun 1970 kepada 20.3 % pada tahun 1990.	1
H7b - Walaupun milik modal saham bumiputera hanya setakat 20.3 % berbanding sasaran yang ditetapkan 30 % tetapi ada peningkatan	1
F8 - Hak milik modal saham kaum bukan bumiputera meningkat kepada 46,2 % melebihi sasaran awal 40 % yang ditetapkan.	1
H8 - Terbukti DEB memberi manfaat kepada semua kaum.	1
F9 - DEB juga berjaya mengurangkan hak milik modal saham orang asing kepada 33.5 %.	1
F10 - Selain itu, pengenalan kaum mengikut lokasi petempatan dan melalui kegiatan ekonomi telah dapat dikurangkan.	1
H10a - Pembinaan tanah oleh FELDA membuka peluang pendudukan memperbaiki taraf hidup mereka	1
H10b - Pembinaan taman-taman perumahan juga turut membantu ke arah matlamat tersebut	1
F11 - Kaum bumiputera telah melibatkan diri dalam pelbagai bidang ekonomi seperti perniagaan dan perdagangan.	1
H11a - Peranan yang dimainkan oleh MARA banyak membantu	1
H11b - Mengubah nasib kaum bumiputera keluar dari kepompong kemiskinan.	1
F12 - Peranan FAMA yang membantu petani memasarkan produk mereka	1
F13 - Taraf pendidikan rakyat telah meningkat.	1
H13a - Banyak pusat pengajian tinggi samada awam atau swasta telah diwujudkan.	1
H13b - Memberi peluang rakyat mendapat pekerjaan yang lebih baik dengan pendapatan lumayan	1
H13c - Mengeluarkan mereka dan keluarga daripada	1

		[10 markah]
	<i>Jumlah</i>	
5	<p>Dasar Ekonomi Baru memberi penekanan kepada sektor perindustrian. Bagaimanakah sektor tersebut dapat ditingkatkan setanding dengan negara maju .</p> <p>F1 - Memastikan negara mempunyai modal yang besar 1 H1a - dengan cara menggalakkan kemasukan lebih banyak pelabur2 dari luar. 1 C1a - dengan cara melonggarkan syarat pelaburan dari luar 1 F2 - Menambah dan melengkapkan lagi kemudahan infrastruktur 1 H2a - untuk melicinkan lagi urusan eksport dan import 1 C2a - lapangan terbang, lebuh raya dan pelabuhan 1 F3 - Menyediakan bekalan tenaga buruh yang mencukupi 1 H3a- melalui pembinaa lebih banyak sekolah kemahiran 1 C3a - seperti sek teknik, ILP, dan pusat giat mara. 1 F4 - Kerajaan juga perlu menyediakan bekalan tenaga buruh mahir/ pakar yang mencukupi 1 H4a- melalui kerjasama dengan institusi pengajian tinggi 1 C4a - seperti universiti,dan politeknik. 1 F5 - Penggunaan teknologi moden yang terkini 1</p>	

	H5 - untuk meningkatkan kualiti dan kuantiti barangan yang dihasilkan	1
	C5a - seperti penggunaan mesin2 yang canggih.	1
	F6 - Memperbanyakkan program penyelidikan dan pembangunan	1
	H6 - untuk menghasilkan ciptaan2 baru atau teknologi baru.	1
	F7 - meningkatkan nilai integriti rakyat	
	H7a - kerajaan perlu menerapkan nilai murni dlm kalangan rakyat khususnya pegawai kerajaan	1
	C7 - cthnya nilai kerajinan, amanah dan cekap	
	H7b - Pengusaha syarikat perkilngn perlukan pegawai kerajaan yg cekap dan amanah utk mnguruskn hal import dan eksport barangan	1
	F8 - mnerokai pasaran baru	1
	H8 - menghantar rombongan/misi perdagangan keluar Negara/ menyertai ekspo2 antarabangsa utk memperkenalkan barangan buatan Malaysia.	1
	C8 - contohnya Lembaga kemjuan perindustrian Malaysia , pusat dan eksport Malaysia , dan pesuruhjaya perdagangan	1
	H8b memainkan peranan menyebarkan maklumat kpd ahli perniagaan di luar negara	1
	(mana-mana munasabah)	
	Jumlah markah	10 markah
6	Huraikan cabaran yang dihadapi dalam menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju.	
	Menunjukkan pengetahuan dan pemahaman yang sangat jelas, tepat dan mendalam.	Aras 4
	Membuat inferens yang sangat tepat dari aspek positif dan negatif.	9-10
	Fakta sangat tepat.	
	Semua isi penting diuraikan dengan mendalam dan seimbang.	
	Huraian disertakan dengan contoh dan bukti yang sangat jelas serta bersesuaian.	
	Pengolahan/komunikasi yang sangat menarik.	

	<p>Menunjukkan pengetahuan dan pemahaman yang jelas, tepat dan mendalam. Membuat inferens yang ringkas dari aspek positif dan negatif. Fakta yang tepat. Beberapa isi penting diuraikan dengan mendalam dan seimbang. Huraian disertakan dengan contoh dan bukti yang jelas. Pengolahan/komunikasi yang menarik.</p>	<p>Aras 3</p> <p>7-8</p>
	<p>Menunjukkan pengetahuan dan pemahaman yang jelas dan mendalam. Fakta yang tepat. Huraian kurang mendalam dan tidak seimbang. Penerangan berserta dengan contoh dan bukti yang terhad. Pengolahan/komunikasi yang masih menarik.</p>	<p>Aras 2</p> <p>4-6</p>
	<p>Menunjukkan pengetahuan dan pemahaman yang terhad. Fakta masih tepat tetapi secara umum / tiada penerangan. Tiada contoh dan bukti yang sesuai. Pengolahan/komunikasi tidak menarik.</p>	<p>Aras 1</p> <p>1-3</p>

Cadangan jawapan		
F1	Kekurangan pekerja mahir	1
H1a	akan melambatkan proses pembinaan negara maju	1
C1a	Sektor pembinaan dan perkilangan	1
		1
F2	Mata wang	1
H2a	Ketidakstabilan mata wang akan menyebabkan kos pembinaan dan penyelenggaraan menjadi tinggi	1
C2a	Terpaksa membayar gaji atau upah yang tinggi	1
		1
F3	Pemimpin yang berwibawa	1
H3a	Negara mesti dipimpin oleh pemimpin yang berwibawa yang mampu memacu negara ke arah lebih maju.	1
C3a	bebas dari amalan rasuah, pecah amanah dan pilih kasih	1
		1
F4	Pendidikan	1
H4a	Taraf pendidikan harus ditingkatkan agar dapat bersaing dengan negara maju yang lain	1
C4a	Menyediakan peruntukkan kewangan yang cukup untuk semua peringkat institusi pendidikan	1
C4b	seperti sekolah, universiti dan pusat pendidikan lain	1
		1
F5	Ancaman dalaman terhadap Kedaulatan Malaysia	1
H5a	daripada gerakan pengaruh politik, agama dan kaum yang kuat	1
C5a	Fahaman politik yang tebal, pegangan agama yang fanatik dan perasaan perkauman yang tebal	1
I	Ia akan menghalang negara mencapai tahap sebagai sebuah negara yang maju.	1
		1
F6	Cabaran globalisasi	1
H6a	Globalisasi merupakan perubahan yang menjadikan dunia tanpa sempadan yang disebabkan oleh kepesatan atau kepantasan perkembangan teknologi maklumat.	1
C6a	Seperti teknologi industri, perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi	1
I	Cabaran perlu diawasi dan dikawal agar matlamat menjadi negara maju dicapai dengan sejajara dengan Wawasan 2020 /TN2050 .	1
		1
F7	Perpaduan Kaum	1
H7a	Malaysia merupakan sebuah negara yang didiami oleh pelbagai etnik maka keutuhan perpaduan antara kaum sangat penting untuk mencapai taraf negara maju	1
C7a	Semua kaum seperti Melayu,Cina, India, Kadazan, Iban dan Murut harus memahami	1

	<i>Jumlah</i>	[10 markah]
7	<p>Bagaimanakah cabaran di soalan 6 boleh diatasi?</p> <p>Menunjukkan pengetahuan dan pemahaman yang sangat jelas, tepat dan mendalam. Membuat inferens yang sangat tepat dari aspek positif dan negatif. Fakta sangat tepat. Semua isi penting dihurai dengan mendalam dan seimbang. Huraian disertakan dengan contoh dan bukti yang sangat jelas serta bersesuaian. Pengolahan/komunikasi yang sangat menarik.</p>	<p>Aras 4</p> <p>9-10</p>
	<p>Menunjukkan pengetahuan dan pemahaman yang jelas, tepat dan mendalam. Membuat inferens yang ringkas dari aspek positif dan negatif. Fakta yang tepat. Beberapa isi penting dihurai dengan mendalam dan seimbang. Huraian disertakan dengan contoh dan bukti yang jelas. Pengolahan/komunikasi yang menarik.</p>	<p>Aras 3</p> <p>7-8</p>
	<p>Menunjukkan pengetahuan dan pemahaman yang jelas dan mendalam. Fakta yang tepat. Huraian kurang mendalam dan tidak seimbang. Penerangan berserta dengan contoh dan bukti yang terhad. Pengolahan/komunikasi yang masih menarik.</p>	<p>Aras 2</p> <p>4-6</p>
	<p>Menunjukkan pengetahuan dan pemahaman yang terhad. Fakta masih tepat tetapi secara umum / tiada penerangan. Tiada contoh dan bukti yang sesuai. Pengolahan/komunikasi tidak menarik.</p>	<p>Aras 1</p> <p>1-3</p>

Cadangan jawapan		
F1	ialah negara perlu melahirkan lebih ramai tenaga kerja profesional tempatan	1
H1a	agar dapat mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing.	1
C1a	Contohnya pusat-pusat pengajian tinggi tempatan telah menawarkan kursus yang sesuai dengan permintaan pasaran kerja masa kini.	1
H1b	Kesannya ekonomi negara akan meningkat akibat tiadanya pengangguran dan banyak peluang pekerjaan di isi oleh masyarakat tempatan.	1
H1c	Masalah kekurangan pekerja dalam sektor-sektor tertentu seperti sektor perindustrian, pembinaan, dan perladangan juga boleh diatasi.	1
F2	Menstabilkan nilai mata wang Negara	1
H2a	dengan mengurangkan nilai import dan menambah nilai eksport negara.	1
H2c	Rakyat tempatan perlu memberi sokongan dengan membeli barangan berjenama tempatan	1
H2d	agar nilai mata wang negara tidak mengalir keluar.	1
C2a	Contohnya membeli kereta buatan negara seperti proton dan produa.	1
H2e	Malah negara boleh merangsang pelabur-pelabur dari negara luar datang melabur di negara kita.	1
H2f	Syarikat-syarikat tempatan juga berpeluang melabur di negara-negara Dunia Ketiga, seperti yang dilakukan oleh Petronas di Vietnam.	1
F3	Memilih pemimpin yang berwibawa dan berintegriti.	1
H3a	Proses memilih pemimpin diadakan dengan adil dan telus melalui proses pilihanraya.	1
H3b	Pemimpin yang dipilih bertanggungjawab terhadap rakyat dan Negara	1
H3c	agar keamanan dan kemajuan negara terus gemilang.	1
C3a	Contohnya pemimpin-pemimpin negara yang hebat seperti Tunku Abdul Rahman/ Tunku Andul Razak/Tun Hussein Onn/Tun Dr.Mahathir Muhammad/Tun Abdullah Ahmad Badawi	1
F4	Menambah bilangan sekolah dan pusat pengajian tinggi tempatan	1
H4a	Memberi pendidikan percuma diperingkat pengajian tinggi.	1
H4c	agar rakyat diberi peluang untuk meneruskan pengajian	1

	<i>Jumlah</i>	[10 markah]
8	<p>Jelaskan iktibar yang diperoleh daripada pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru?</p> <p>Cadangan jawapan</p> <p>F1 Rajin berusaha untuk mencapai kejayaan</p> <p>F2 Perpaduan asas kejayaan</p> <p>F3 Toleransi antara kaum</p> <p>F4 Berusaha memajukan diri</p> <p>F5 Kerjasama dalam pelbagai kaum / masyarakat</p> <p>F6 Berdikari untuk memajukan diri</p> <p>F7 Mementingkan ilmu pengetahuan / kemahiran</p> <p>F8 Berwawasan dalam meningkatkan corak kehidupan</p> <p>F9 Bijak mengambil peluang dalam pelbagai bidang</p> <p>F10 Berdaya saing antara kaum</p> <p>F11 Bersyukur dengan sumber yang sedia ada</p> <p>(mana-mana munasabah)</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p>
	<i>Jumlah</i>	[5 markah]
9	<p>Apakah rumusan daripada pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) di negara kita .</p>	

Pengetahuan		
P1	Dasar Ekonomi Baru diperkenalkan pada tahun 1970 - 1990	1
P2	Dasar Ekonomi Baru diperkenalkan untuk mengatasi kelemahan Rancangan Malaya Pertama dan Kedua	1
P3	Dasar Ekonomi Baru berjaya merapatkan jurang pendapatan bumiputera dengan bukan bumiputera	1
P4	Dasar Ekonomi Baru bermula dalam rancangan Malaysia Pertama	1
Mana-mana jawapan yang munasabah diterima		
Nilai-nilai murni		
N1	Berfikiran jauh / berpandangan positif	1
N2	Mengutamakan perbincangan	1
N3	Bersyukur	1
N4	Bertoleransi	1
Mana-mana jawapan yang munasabah diterima		
Unsur patriotisme		
UP1	Berusaha menjaga keamanan negara	1
UP2	Berani mempertahankan kedaulatan negara	1
UP3	Mengutamakan kemajuan rakyat	1
UP4	Hormat kepada negara	1
Mana-mana jawapan yang munasabah diterima		
Harapan		
H1	Rakyat Malaysia harus mempertahankan kedaulatan negara.	1
H2	Warga Malaysia harus mencapai tahap pemikiran kelas pertama.	1
H3	Malaysia terus maju dalam segala bidang	1
H4	Rakyat hidup dalam keadaan aman dan harmoni	1
Mana-mana jawapan yang munasabah diterima		
P = 1		
N = 1		
UP = 1		
H = 2		

		<i>Jumlah</i>	[5 markah]
--	--	----------------------	-------------------